

Batik Air lancar laluan Ipoh-Singapura

Syarikat penerbangan Batik Air memperluas laluan domestik apabila melancarkan perkhidmatan bagi laluan Ipoh-Singapura mulai semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor Negeri, Loh Sze Yee, berkata pelancaran itu menandakan satu lagi kejayaan pembangunan penerbangan dan pelancongan Perak.

“Laluan baharu ini mencerminkan keyakinan Batik Air terhadap potensi Perak dan tiba pada masa yang tepat ketika kita sedang memperhebat usaha mengukuhkan kedudukan Ipoh sebagai gerbang pelancongan antarabangsa,” katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran laluan Batik Air Ipoh-Singapura di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah (LTSAS).

Terdahulu, beliau menyambut ketibaan 73 penumpang pertama penerbangan Batik Air dari Singapura menerusi pesawat Boeing 737-800 pada pukul 11.30 pagi di LTSAS.

Pada masa ini, LTSAS mengendalikan penerbangan Scoot bagi laluan Ipoh-Singapura, perkhidmatan AirAsia bagi destinasi Ipoh-Johor.

Batik Air akan menawarkan penerbangan Ipoh-Singapura dengan kekerapan tujuh kali seminggu.



Sze Yee menyambut ketibaan 73 penumpang dari Singapura yang menaiki penerbangan sulung Batik Air di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah di Ipoh, semalam.

(Foto BERNAMA)

Sze Yee berkata, perkhidmatan baharu itu dijangka memberi manfaat besar kepada ekonomi tempatan.

“Lebih banyak penerbangan bermakna lebih banyak peluang untuk hotel, rumah inap, agensi pelancongan, pengendali pengangkutan, pemilik restoran, perniagaan kecil, usahawan kreatif, dan komuniti berkaitan pelancongan di seluruh Perak,” katanya.

Beliau berkata, perkembangan itu juga sejajar dengan strategi Perak yang lebih luas menjelang Tahun Melawat Ma-

laysia 2026 (TMM26).

Dalam pada itu, beliau berkata kerajaan negeri mengalu-alukan lebih banyak pembukaan laluan destinasi tempatan serta antarabangsa menerusi Ipoh oleh syarikat penerbangan sedia beroperasi atau syarikat penerbangan lain memandangkan LTSAS telah dinaik taraf.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Batik Air, Datuk Chandran Rama Muthy, berkata perkhidmatan bagi destinasi Ipoh-Singapura merupakan penambahan penting bagi rangkaian pihaknya.

BERNAMA